

SULIT

Nama Pelajar :

Tahun :

**MATEMATIK
TAHUN 5**

**PERTAKSIRAN SUMATIF TAHUN 2022 / 2023
TAHUN 5
MATEMATIK
(MAT)**

DIS/JAN

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dan tunjukkan pengiraan.
3. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan jawapan yang salah. Kemudian, **tuliskan** jawapan yang baru.
4. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
5. Tulis jawapan dengan jelas dan jangan tinggalkan kosong pada ruangan jawapan.

BAHAGIAN	SOALAN	MARKA H
A	Soalan 1-13	/26
B	Soalan 1	/12
	Soalan 2	/12
	JUMLAH	/50

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak


Bahagian A
Subjektif
[26 markah]

Arahan : Jawab semua soalan.

1.	Tuliskan 549 261 dalam perkataan	1 markah
2.	Bundarkan nombor 462 872 pada ribu terdekat	1 markah
3.	Tukarkan 6.5 kg kepada g	1 markah
4.	0.2 abad = _____ dekad	1 markah
5.	Selesaikan $(592\,640 + 205\,642) \div 18 =$	2 markah
6.	Hitungkan 175 % daripada 80	2 markah

7.	Sebuah kilang mengeluarkan 115 350 biji batu bata pada minggu lepas. Bilangan batu bata yang dikeluarkan pada minggu ini adalah 6850 biji lebih daripada minggu lepas. Hitung jumlah batu bata yang dikeluarkan dalam dua minggu ini.									
		2 markah								
8.	Rajah 1 menunjukkan bilangan paket teh mengikut jenis yang dihasilkan oleh sebuah kilang. <table><tr><th>Jenis teh</th><th>Bilangan</th></tr><tr><td>Teh boh</td><td>132 909</td></tr><tr><td>Teh pudina</td><td></td></tr><tr><td>Teh bunga</td><td>110 834</td></tr></table> Rajah 1 Kilang telah menghasilkan 389 029 paket teh. Berapakah bilangan teh pudina yang dihasilkan ?	Jenis teh	Bilangan	Teh boh	132 909	Teh pudina		Teh bunga	110 834	
Jenis teh	Bilangan									
Teh boh	132 909									
Teh pudina										
Teh bunga	110 834									
		2 markah								
9.	Iman berbasikal sejauh 61.25 km selama seminggu dengan jaraknya adalah sama setiap hari. Berapakah jarak yang dilalui oleh Iman dalam masa tiga hari ?									
		2 markah								

10.	Amira mendepositkan sebanyak RM 400 000 selama 5 tahun di sebuah bank dengan kadar faedah tahunan sebanyak 6%. Berapakah jumlah faedah yang akan Amira dapat?	3 markah
11.	Puan Nabila mempunyai sepaket gula pasir yang berjisim 2.8 kg. Puan Hazwani memberi 117 paket gula pasir yang sama kepada Puan Nabila. Hitung jumlah jisim gula pasir Puan Nabila yang ada sekarang dalam g.	
12.	Rajah 2 di bawah mewakili 400 paket beras dengan harga RM 15 400 .  Rajah 2 Tiya ingin membeli 700 paket beras. Tetapi Tiya hanya mempunyai RM21000. Berapakah wang yang perlu ditambah oleh Tiya untuk membeli 700 paket beras ?	3 markah

13.	Cari isipadu pepejal gabungan di bawah. 	3 markah

Bahagian B


Subjektif

[24 markah]

Arahan : Jawab semua soalan

Tema : Saintifik

1. Rajah di bawah menunjukkan panjang batang aiskrim.



- a) Nyatakan panjang batang aiskrim itu dalam mm.

[2 markah]

- b) Aakif mempunyai 320 batang aiskrim, Iman 210 batang aiskrim manakala Khalish mempunyai 4 kali ganda jumlah batang aiskrim Iman dan Aakif. Berapakah jumlah batang aiskrim mereka bertiga ?

[4 markah]

- c) Aakif, Iman dan Khalish ingin membuat satu reka bentuk segi empat tepat yang mempunyai perimeter 154 cm dengan menggunakan batang aiskrim yang mereka miliki. Berapakah bilangan batang aiskrim yang diperlukan ?


[2 markah]

- d) Menggunakan kreativiti anda, lukiskan segi empat tepat beserta ukuran yang mungkin menjadi rekaan mereka.

[4 markah]

Tema : Pekerjaan

2. Rajah di bawah menunjukkan jisim bagi tiga jenis barang.



a) Nyatakan nisbah jisim

i) Ikan kepada daging

[1 markah]

ii) daging kepada ayam

[1 markah]

iii) ikan dengan daging kepada daging dengan ayam

[2 markah]

- b) Berikut merupakan barang basah yang digunakan dalam tempoh sebulan oleh Kedai Makan Pak Karim. Lengkapkan jadual di bawah untuk mengetahui jumlah yang di belanjakannya dalam tempoh sebulan .

Barang	Harga /kg	Kuantiti	Jumlah
Daging	RM 40.80	70 kg	
Ikan	RM 60.00	93 kg	
Ayam	RM 12.50	100 kg	
Jumlah harga keseluruhan			

[4 markah]

- c) Pak Karim telah menerima bantuan khas kerajaan 30 peratus daripada jumlah perbelanjaan barang keperluan dalam setahun. Berapakah nilai sebenar perbelanjaan barang basah yang perlu dikeluarkan oleh Pak Karim dalam tempoh setahun ?

[4 markah]

----- KERTAS SOALAN TAMAT -----
~ SELAMAT MENJAWAB ~